

01 JUN 2003

Gawai-Sambutan

GAWAI MERIAH KERANA SAMBUTAN JATUH DALAM MUSIM CUTI SEKOLAH

KUCHING, 1 Jun (Bernama) -- Perayaan Hari Gawai pada tahun ini yang berlangsung dalam musim cuti sekolah menambahkan lagi kemeriahanambutannya yang bermula hari ini.

Perayaan kali ini juga mendapat "bonus" cuti tambahan apabila cuti umum Hari Gawai berlanjutan hingga Selasa. Hari Gawai disambut dengan cuti umum selama dua hari di Sarawak dan memandangkan hari pertama jatuh pada hari ini (Ahad), cuti itu digantikan pada Selasa.

Perayaan Hari Gawai peringkat kebangsaan akan diadakan di Dataran Sibul, Sibul pada 14 Jun ini.

Timbalan Yang Di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri sambutan itu.

Sambutan perayaan tradisional masyarakat Dayak itu pada tahun ini menyaksikan kemeriahan kerana cuti panjang memberi peluang kepada orang ramai dan mereka yang merayakannya mengambil kesempatan balik kampung dan bersantai.

Berbanding dengan hiruk pikuk kemeriahan di rumah-rumah panjang dan perkampungan, suasana di bandar raya agak lengang kerana ramai yang balik ke kampung dan pedalaman, malah ramai juga yang bercuti di destinasi pelancongan tempatan dan di Semenanjung.

Sementara itu, kira-kira 5,000 orang tetamu menghadiri majlis rumah terbuka Hari Gawai di Dewan Suarah yang turut dihadiri Yang di-Pertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin Abang Barieng dan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud serta Kabinet negeri.

Hari Gawai yang disambut pada 1 dan 2 Jun setiap tahun, dirayakan oleh masyarakat Iban, Bidayuh dan Orang Ulu.

-- BERNAMA

RDY MOZ